## BAB TIGA

# PERANAN JHEOA DALAM PERUBAHAN SOSIAL ORANG TEMIAR

## 3.1: JABATAN HAL EHWAL ORANG ASLI DAN SEJARAH PENURUHAN

Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ( JHEOA ) telah ditubuhkan pada tahun 1953/54. JHEOA merupakan sebuah Jabatan yang unik dari aspek peranan dan tanggungjawabnya. Ini disebabkan oleh kumpulan sasar, logistik, demografi serta ciri-ciri yang memerlukan pengurusan berhati-hati, tekun dan tabah bagi memenuhi kehendak masyarakat orang Asli dan kerajaan tanpa menjejaskan nilai-nilai murni yang sedia ada.

Dari segi fungsinya, JHEOA diberi peranan meliputi semua aspek kehidupan orang Asli sesuai dengan 'label' Hal Ehwal Orang Asli. Tanggungjawab ini bukan sahaja tertumpu kepada pembangunan fizikal dan pembangunan insan, malah juga menjurus ke arah mencapai integrasi masyarakat orang Asli dengan masyarakat nasional bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan negara.

Semasa pemerintahan British di Tanah Melayu, orang Asli tidak diberi perhatian yang wajar dan dasar British lebih tertumpu kepada golongan kapitalis dan imigran. Maklumat-maklumat mengenai orang Asli hanya dapat diketahui melalui penulisan pegawai-pegawai British yang bukan ahli antropologi. Mereka menganggap orang Asli tidak bertamadun dan memerlukan perlindungan. Walau bagaimanapun, kerajaan Perak boleh dianggap sebagai perintis setelah seorang berbangsa Itali, Kapten G.B. Cerutti dilantik menjadi Pegawai Penghubung dengan masyarakat orang Asli. Cerutti ada menulis mengenai masyarakat orang Asli di Perak dalam bukunya yang berjudul My Friends the Savages pada tahun 1908 (Carey, 1976: 288).

Sebelum Perang Dunia Kedua di antara tahun 1939 hingga 1945, pentadbiran khusus mengenai orang Asli belum dirancang dan hanya Muzium Perak yang bertempat di Taiping bertanggungjawab bagi menyelenggarakan Hal Ehwal Orang Asli. Muzium ini menjadi pusat penyelidikan antropologi dan terdapat ahli penyelidik seperti I.H.N Evans, R.O.D Noone yang mengkaji mengenai orang Asli ( Carey, 1976 : 289 ).

Pada tahun 1931, R.O.D Noone menjadi Etnografer Muzium Taiping, beliau telah mempelajari adat resam orang Melayu dan budaya orang Asli. Pada tahun 1930-an, orang Asli mula mendapat perhatian dan pada tahun 1939, satu kertas kerja telah dihasilkan oleh Pat Noone bertajuk A Report On Settlement And Walfare Of the Ple-Temiar Senoi of Perak Kelantan Watershed. Kertas kerja ini mengemukakan beberapa svor:

Pertama, mengadakan satu kawasan simpanan untuk orang Asli di bahagian negeri Perak/Kelantan bagi tujuan mereka menjalankan aktiviti mengikut adat resam mereka.

Kedua, mewujudkan penempatan di mana orang Asli diajar teknik pertanian moden.

Ketiga, menggalakkan perkembangan seni dan kraf masyarakat orang Asli untuk mewujudkan berbagai peluang pekerjaan di kalangan mereka.

Keempat, melindungi orang Asli dari pengaruh luar seperti minuman keras (Carey, 1976: 290 ).

Pada tahun 1948, darurat telah diistiharkan akibat ancaman komunis dan pada masa ini orang Asli terperangkap antara dua kuasa yang bertentangan iaitu pengganas komunis dan pasukan keselamatan kerajaan (Raffie'i: 1967:2). Orang Asli dikuasai oleh Komunis yang bertujuan untuk mengambil alih perintahan negara setelah berakhirnya penguasaan British di Malaya setelah Jepun dikalahkan (Noone, 1972: 118). Kerajaan British telah mengambil langkah menyekat pergerakan komunis di kalangan orang Asli dengan

mengadakan Rancangan Pengumpulan Semula Orang Asli yang diilhamkan dari Rancangan Briggs pada tahun 1951. Rancangan tersebut mengumpulkan penduduk terpencil di pedalaman dan dikawal rapi oleh pasukan keselamatan (Carey, 1976: 306). Walau bagaimanapun, usaha ini telah gagal dan kegagalan tersebut telah memberi ruang dan peluang kepada pihak komunis untuk menjalankan propagandanya di hutan bagi menentang British dengan cara mempengaruhi orang Asli untuk:

- a) membekalkan makanan sedia ada dari kedai atau daripada penanaman bahan makanan yang terancang ( Hunt, 195; 32 )
- b) bertindak sebagai pemandu dan pengangkut barang kepada pengganas komunis,
- c) membina petempatan sementara
- d) dalam setengah-tengah kes, berjuang untuk pengganas komunis
- e) memberi maklumat tentang pergerakan pasukan keselamatan

(Carey, 1970(a): 60).

Pada akhir tahun 1953, terbukti dasar penempatan semula orang Asli di luar hutan telah gagal. Maka pihak kolonial telah mengambil keputusan untuk mengawal orang Asli bukan dengan membawa mereka keluar dari hutan tetapi dengan meluaskan pengaruh kerajaan ke dalam hutan. Seorang penasihat orang Asli ketika itu, Williams-Hunt telah membuat kajian mengenai orang Asli melalui udara. Beliau berusaha memberi bantuan kebajikan kepada masyarakat orang Asli tetapi usaha itu tidak dapat diteruskan kerana beliau telah meninggal dunia.

R.O.D Noone menggantikan Williams-Hunt sebagai penasihat orang Asli. Beliau berusaha mewujudkan Jabatan Ehwal Orang Asli dan pejabat JHEOA pada ketika itu diletakkan bersama Pejabat Kurator Muzium Negara. Pada masa itu, di negeri Pahang, Mr.

Haward Biles dilantik sebagai pelindung orang Asli yang bekerja sebagai Pegawai Kebajikan Negeri Pahang (Carey, 1976: 293).

Objektif utama jabatan waktu itu ialah menentang dan membasmi pengaruh komunis di kalangan orang Asli. Kemudahan perubatan telah disalurkan kepada masyarakat orang Asli di samping membina kem-kem keselamatan di pinggir hutan sebagai langkah menentang dan membasmi pengaruh komunis di kalangan mereka.

Misi JHEOA ialah mewujudkan kesejahteraan dan integrasi masyarakat orang Asli manakala objektifnya pula ialah :

Pertama, mewujudkan keadaan di mana masyarakat orang Asli dapat disatupadukan dengan masyarakat lain di negara ini melalui proses pembangunan sosio-ekonomi.

Kedua, untuk menjamin masyarakat orang Asli tiada dipengaruhi oleh anasir-anasir subversif dan anti-nasional yang boleh membahayakan keselamatan negara.

Ketiga, menentukan semua hasrat dan cita-cita di dalam 'Panduan Tugas Pembangunan Orang Asli Di Dalam Masyarakat Malaysia Moden' serta perkara-pekara yang termaktub di dalam Akta 134- Akta Orang Asli 1954 (Disemak 1974) dapat dicapai (Lapuran JHEOA 1991).

Setelah JHEOA ditubuhkan secara rasmi, ia mula diletakkan di bawah 'Member System'. Dalam tahun 1955 hingga merdeka, JHEOA diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan R.O.D. Noone menjadi Pesuruhanjaya manakala Dr. Iskandar Carey menjadi timbalan Persuruhanjaya. Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, JHEOA diletakkan di bawah beberapa Kementerian iaitu Kementerian Dalam Negeri (1959), Kementerian Tanah Dan Galian (1963), Kementerian Pertanian dan Tanah (1973, 74), Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar

(1975) dan dipindahkan semula ke Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akibat ancaman Komunis muncul semula dalam tahun 1977.

Memandangkan keadaan keselamatan di kawasan pedalaman bertambah baik dan perletakan senjata oleh Parti Komunis Melayu (PKM), Disember 1989 merupakan detik bersejarah jika dikaitkan dengan masa depan pembangunan orang Asli terutama di kawasan pedalaman.

Pembangunan dan kemudahan dapat disalurkan ke kawasan pedalaman dan pada penghujung tahun 1990, JHEOA dipindahkan pentadbirannya ke Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Perubahan ini amat penting terhadap pembangunan orang Asli kerana terlibat di dalam pembangunan fizikal dan pembangunan insan untuk masyarakat orang Asli bersama-sama agensi-agensi kerajaan di bawah Kementerian ini .

Sebagai sebuah jabatan yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan serta meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat orang Asli, satu pentadbiran telah dibentuk dan dibahagikan kepada tiga peringkat. Pertama, peringkat Persekutuan, kedua peringkat negeri dan ketiga, peringkat daerah (rujuk lampiran 7).

Pada tahun 1961, R.O.D. Noone telah bersara dan beliau diganti oleh Dr. Iskandar Carey dan Dr. Baharon Azhar bin Raffe'i, dilantik sebagai Timbalan Pesuruhanjaya. Pada tahun 1986, beliau mengambil tugas sebagai Pesuruhanjaya dan Jimin Idris menjadi Timbalan Pesuruhanjaya. Semasa Kajian ini dijalankan Jimin Idris menjadi Pesuruhanjaya, dan timbalannya, Hassan bin Ishak.

## 3.2: STRATEGI PEMBANGUNAN ORANG ASLI

JHEOA bertanggongjawab dalam pendekatan kebajikan orang Asli dan JHEOA mahu wujud sebagai sebuah agensi yang berwibawa, cekap dan berkesan untuk memajukan orang Asli. Selaras dengan matlamat wawasan negara, JHEOA telah merangka sepuluh strategi sebagai langkah pembangunan jangka panjang orang Asli bermula dari tahun 1986 hingga 1996 iaitu dalam tempoh Rancangan Malaysia yang kelima dan keenam.

Strategi-strategi tersebut ialah pertama, memodenkan sistem hidup semua suku kaum orang Asli sesuai dengan keperluan zaman. Penekanan diberikan kearah mengubah cara pertanian orang Asli ke cara pertanian moden atau dengan kata lain, untuk meningkatkan penguasaan orang Asli ke atas pengeluaran segala barangan.

Kedua, mewujudkan masyarakat orang Asli yang sihat dan cergas. Cara untuk mencapai hasrat ini dengan meningkatkan kualiti perkhidmatan kesihatan dan perubatan di kalangan orang Asli dari segi kawalan penyakit berjangkit serta perhatian khusus kepada kesihatan ibu-ibu dan kanak-kanak

Ketiga, meyakinkan masyarakat orang Asli terhadap peluang pendidikan anak-anak dan kemahiran mereka itu untuk menghadapi masa depan yang lebih cerah. Ini dilakukan dengan memperkemaskan sistem pendidikan terutama di kawasan pedalaman supaya lebih mampu menyampaikan 'pendidikan nasional' serta cuba mengurangkan rintangan sosial/nilai ibubapa mereka terhadap pendidikan anak-anak mereka.

Keempat, melahirkan golongan belia orang Asli yang maju dalam bidang usahawan membawa atau pekerja yang diperlukan oleh perusahaan-perusahaan yang berkembang di pinggiran dan bandar-bandar serta menjadikan jabatan sebagai pusat latihan yang berwibawa. Kelima, meyakinkan masyarakat orang Asli bahawa Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) di kawasan pedalaman dan lain-lain rancangan kerajaan adalah untuk menjamin kehidupan masa depan mereka. Pihak jabatan dan kementerian mempergiatkan pelaksanaan RPS dengan memindahkan penduduk orang Asli yang berselerak di pedalaman di samping meneruskan perang saraf ke tahap yang sesuai untuk menjamin sokongan orang Asli terhadap rancangan yang dijalankan oleh jabatan.

Keenam, menggalakkan pengwujudan pusat-pusat pertumbuhan melalui penyusunan semula kampung-kampung tradisi dan rizab orang Asli di kawasan-kawasan pinggir. Usaha dilakukan dengan mengadakan rancangan-rancangan pertanian berkelompok, menyediakan infrastruktur dan mempergiatkan usaha-usaha kearah penubuhan institusi seperti LPP, koperasi dan lain-lain.

Ketujuh, mempertingkatkan kegiatan masyarakat orang Asli di dalam kebudayaan dan kesenian untuk tujuan pelancongan. Penekanan strategi memperluaskan pendedahan seni kraftangan, menyediakan bengkel-bengkel bimbingan kraf dan seni serta mempergiatkan rangka kerjasama dengan agensi-agensi seperti KEMAS, Perbadanan Kraftangan Malaysia. FRIM dan lain-lain.

Kelapan, membasmikan kemiskinan atau mengurangkan bilangan orang Asli yang tergolong sebagai rakyat yang termiskin. Ia dilakukan dengan melicinkan penyaluran sumber dan meningkatkan langkah penyelarasan dengan semua agensi yang terlibat sama sebagai rakan pembangunan.

Kesembilan, menerima pendekatan 'pengswastaan' sebagai strategi pembangunan kawasan-kawasan orang Asli di mana mengadakan hubungan kerjasama dan mewujudkan badan yang sesuai bagi mewakili orang Asli dalam usahasama dengan pihak swasta. Kesepuluh, menentukan pentadbiran pembangunan yang lebih berkesan serta yang terselaras dan searus dengan arah pembangunan masyarakat orang Asli.

Secara keseluruhan, daripada sepuluh strategi pembangunan orang Asli yang dirancang oleh JHEOA hanya empat strategi sahaja yang boleh diaplikasikan kepada penduduk orang Temiar di RPS Kuala Betis. Secara amnya, rumusan bagi strategi pertama untuk memodenkan cara hidup orang Temiar melalui pengenalan cara pertanian moden telah gagal mencapai sasaran. Kegagalan ini berpunca dari perancangan pengurusan setempat yang tidak sistematik. Ekoran kegagalan ini telah merugikan orang Temiar dalam jangkamasa pendek tetapi dalam jangkamasa panjang ia telah membawa perubahan dan kesedaran kepada orang Temiar. Orang Temiar sedar mereka tidak boleh mengharapkan pihak jabatan dalam menguruskan kehidupan mereka dan golongan yang berpengaruh dan berpendidikan telah memainkan peranan penting sebagai penggerak kesedaran ini supaya masyarakat Temiar lebih berdikari.

Bagi strategi kedua iaitu mewujudkan masyarakat orang Temiar yang sihat dan cergas telah berjaya diaplikasikan kepada penduduk RPS Kuala Betis. Sebahagian besar orang Temiar mendapatkan rawatan di hospital atau klinik dan kesedaran di kalangan ibu tentang pentingnya menjaga kesihatan dan mendapatkan rawatan awal ketika mengandung telah mengurangkan kadar kematian di kalangan ibu dan anak.

Bagaimana pun bagi strategi ketiga iaitu menyediakan pendidikan di kalangan orang Temiar adalah kurang memuaskan. Keadaan ini terbukti apabila kadar keciciran di kalangan pelajar orang Temiar adalah tinggi. Setakat ini hanya seorang sahaja dari kalangan penduduk orang Temiar yang berjaya melanjutkan pelajaran ke menara gading.

Akhir sekali, strategi kelima iaitu meyakinkan bahawa RPS dapat menjamin kehidupan orang Asli yang lebih baik telah dapat diaplikasikan kepada penduduk orang

Temiar di pedalaman negeri Kelantan dengan berkesan. Usaha ini hampir berjaya apabila 87% daripada 300 buah keluarga telah berpindah ke RPS Kuala Betis dan hanya 13% sahaja yang masih tinggal di pedalaman. Bagaimana pun, kemudahan-kemudahan asas yang disediakan oleh pihak yang bertanggungjawap di RPS Kuala Betis masih belum memuaskan dan banyak lagi pembangunan yang diperlukan oleh penduduk RPS Kuala Betis

## 3.3: PERANAN JHEOA DALAM PERUBAHAN SOSIAL ORANG TEMIAR

JHEOA telah dibahagikan kepada lapan bahagian tetapi hanya bahagian-bahagian tertentu yang memainkan peranan dalam membangunkan dan membawa perubahan kepada orang Temiar. Antara bahagian-bahagian itu ialah ekonomi dan binaan, aktiviti pendidikan serta kesihatan dan perubatan.

Objektif bahagian ekonomi dan binaan ialah mewujudkan keadaan di mana masyarakat orang Asli disatupadukan dengan masyarakat lain di negara ini melalui proses pembangunan sosio-ekonomi serta membangunkan masyarakat orang Asli. Manakala bahagian aktiviti pendidikan mahu meningkatkan mutu pendidikan, mengurang dan membasmi buta huruf serta menghapus tahap keciciran yang agak tinggi di kalangan anakanak orang Asli. Mempergiatkan usaha-usaha untuk membaiki dan menyelenggarakan perkhidmatan pendidikan serta menjalin perhubungan dengan Kementerian Pendidikan dan institusi pengajian tinggi bagi murid-murid orang Asli.

Bahagian kesihatan dan perubatan pula menyediakan suatu perkhidmatan kesihatan, menggalakkan pencegahan dan rawatan asas kepada orang Asli dan juga menyediakan khidmat penentuan penyakit, rawatan dan pemulihan bermutu tinggi.

## 3.3.1: KEGIATAN EKONOMI

Pihak JHEOA cuba mengubah sistem ekonomi tradisi kepada sistem ekonomi berorientasikan pasaran dengan berpandukan kepada dasar yang telah ditetapkan oleh kerajaan sejak tahun 1960 hingga kini. Dasar pembangunan tersebut melibatkan program pembangunan ekonomi dan sosial. Program ini merupakan salah satu program penting yang bertujuan mempertingkatkan taraf hidup dan pendapatan orang Temiar.

Antara program pembangunan ekonomi yang dijalankan ialah aktiviti pembangunan tanah. Tanah-tanah orang Temiar dimajukan dengan tanaman komersial seperti getah. Dalam tahun 1983, getah telah ditanam di RPS Kuala Betis seluas 1,620 ekar. Projek ini dijayakan bersama dengan agensi perlaksanaan FELCRA, dan ia telah berjalan dengan baik. Sekarang ini, getah tersebut sudahpun ditoreh sejak Oktober 1991. Sistem saham (Milik bersama) telah diperkenalkan dalam proses pengendalian hasil. Bagi meningkatkan pengeluaran hasil getah, persediaan awal telah diberikan kepada peserta RPS iaitu mengikuti kursus torehan yang betul. Mereka menjual getah keping kepada pihak RISDA yang datang ke perkampungan mereka.

Selain dari penanaman getah, projek dusun buah-buahan tradisional seperti durian, duku, dokong, petai, cempedak, salak dan lain-lain telah dijalankan pada tahun 1983. Pelaksanaan projek ini di bawah kelolaan JHEOA di mana keseluruhan pekerjanya terdiri daripada peserta RPS Kuala Betis sendiri. Langkah ini amat baik sekali kerana dapat menyediakan peluang pekerjaan dan sumber kewangan kepada keluarga peserta di samping memahirkan diri dengan pertanian moden. Keluasan projek ini ialah 600 ekar dan dijalankan oleh pihak JHEOA dengan kerjasama FAMA. Pihak FAMA berjanji akan membantu memasarkan hasil usaha mereka tetapi keadaan sebaliknya telah terjadi.

Menurut pengurus RPS Kuala Betis, projek ini telah tamat penyelenggaraannya pada tahun 1990 dan projek tersebut dianggap gagal.

Peserta RPS Kuala Betis juga pernah menjalankan projek penanaman pisang dan sayur secara besar-besaran di awal tahun 1990. Bagaimana pun projek tersebut juga menemui kegagalan. Mengikut temubual dengan peserta RPS, Kuala Betis, projek ini telah mengeluarkan hasil tetapi tidak mendapat pasaran yang baik. Pada mulanya, pihak JHEOA dengan kerjasama FAMA akan memasarkan hasil pertanian mereka tetapi apabila kebun-kebun sayur dan pisang mereka mengeluarkan hasil, pihak FAMA tidak dapat memasarkannya di atas dasar, hasil keluarannya tidak bermutu tinggi. Jadi mereka terpaksa menjualkan sendiri kepada orang tengah dengan harga yang murah.

Kesemua projek tersebut telah menemui kegagalan kerana tiada kemudahan pengangkutan dan perhubungan yang disediakan serta ketidakcekapan pihak pengurusan dalam membuat perancangan. Perancangan dan tindakan yang dibuat adalah sambil lewa tanpa penyusunan yang rapi serta tidak melibatkan orang Temiar dalam pengurusan projek tersebut.

Ekoran dari kegagalan projek pembangunan ekonomi yang dirancang dan melibatkan tenaga kerja orang Temiar seperti projek tanaman sayur, pisang dan dusun buah-buahan telah menyebabkan hubungan JHEOA dengan orang Temiar agak dingin. Kedua-dua pihak saling menyalahkan antara satu sama lain dan tidak mahu mengakui kelemahan sehingga membawa kegagalan program tersebut. Terdapat cadangan untuk memulihkan semula projek ini di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kelak dan sehingga kajian ini dijalankan, hanya projek penanaman getah berjalan lancar dan sudah ditoreh.

Perancangan pembangunan sosio-ekonomi perlu kepada usaha-usaha yang lebih menyeluruh patut diadakan di antara agensi supaya orang Temiar dapat menikmati hidup yang lebih sempurna sebagaimana masyarakat lain di negara ini.

## 3.3.2: AKTIVITI PENDIDIKAN

Menurut John Macdonald (dipetik dari Ee Ah Meng, 1988:4) makna pendidikan jelas dilihat dengan membandingkan masyarakat primitif dengan masyarakat moden. Dalam masyarakat primitif, makna pendidikan adalah latihan vokasional dan mereka diajar bagaimana menggunakan alat senjata kuno, bagaimana menangkap ikan dan mempertahankan diri supaya dapat mengekalkan ekonomi puaknya. Sebahagian besar daripada latihan yang diperolehi adalah secara tidak langsung hasil daripada pergaulan dengan golongan dewasa. Dalam masyarakat moden, unsur asas pendidikan masih sama dengan masyarakat primitif cuma yang berbeza adalah pengetahuan yang disampaikan adalah secara langsung di institusi pendidikan seperti sekolah.

Pendidikan merupakan satu proses yang berterusan sepanjang umur bagi seseorang individu. Pendidikan dilaksanakan oleh banyak agen tetapi sekolah merupakan agen utama dalam memberi pendidikan formal kepada seseorang pelajar. Berdasarkan falsafah pendidikan negara, individu yang ingin dilahirkan dari sistem pendidikan mestilah seimbang dari aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek.

RPS Kuala Betis telah menyediakan berbagai kemudahan kepada peserta dan salah satunya ialah sebuah sekolah yang dinamakan Sekolah Rendah Kebangsaan Kuala Betis. Semasa kajian dijalankan, terdapat seramai 23 orang guru bertugas di sini dengan lima orang pekerja am. Bilangan pelajar yang berdaftar pada masa itu seramai 451 orang.

Seramai 302 orang adalah pelajar Orang Asli, 176 daripadanya lelaki dan 126 orang perempuan (rujuk jadual 4).

Jadual 4: Bilangan Pelajar Sekolah Rendah Kebangsaan Kuala Betis Mengikut

Komposisi Kaum Pada Tahun 1994

Tahun	(L)	lelayu (P)	(L)	sli (P)	Jum (L)	lah (P)	Jumlah Besar		
Pra sekolah	10	6	3	-	13	6	19		
1	12	14	28	21	40	35	75		
2	15	9	27	18	42	27	69		
3	16	6	40	30	56	36	92		
4	11	12	31	20	42	42	74		
5	8	9	25	25	33	34	67		
6	7	14	22	12	29	26	55		
Jumlah	79	70	176	126	255	196	451		

Sumber: Lapuran Minit Mesyuarat PIBG Sek. Keb. Kuala Betis

Berdasarkan jadual 4 secara keseluruhan bilangan pelajar sekolah Kebangsaan Kuala Betis ialah 451 orang. Jumlah pelajar orang Temiar lebih ramai berbanding dengan pelajar Melayu dan jumlah pelajar lelaki mengatasi bilangan pelajar perempuan. Bagi pelajar orang Temiar, didapati pada tahun satu, dua dan tiga bilangannya semakin bertambah bagaimanapun apabila memasuki tahun empat, lima dan enam bilangan terus merosot sama ada di kalangan pelajar lelaki atau perempuan

Jadual 5: Bilangan Pelajar Orang Asli Yang Bersekolah Mengikut Negeri.

BIL		SI	EKOLAH RE		SEK.	JUM SEK		
	NEGERI	JHEOA	*USAHA SAMA	KEM.PEN	JUM.	SMR	SMA	MEN.
1	Pahang	1,013	97	2,518	3,628	382	89	471
2	Perak	25	905	2,420	3,350	543	58	601
3	Kedah	0	0	17	17	1	1	2
4	Kelantan	211	198	177	586	33	5	38
5	Terengganu	82	0	0	82	0	0	0
6	Selangor	0	1,089	616	1,705	246	45	291
7	W.Persekutu an	0	0	6	6	4	8	12
8	N. Sembilan	0	0	780	780	165	35	200
9	Melaka	0	0	80	80	12	2	14
10	Johor	134	304	917	1,355	166	47	213
Jumla	h Besar	1,465	2,593	7,531	11,589	1,552	290	1,842

 Sekolah-sekolah JHEOA dengan guru-guru dari Kementerian Pendidikan

Berdasarkan jadual 5, bilangan pelajar orang Asli di sekolah rendah bagi negeri Kelantan ialah 586 orang dan 302 orang atau 51.5% merupakan pelajar orang Asli dari suku bangsa Temiar yang bersekolah di RPS Kuala Betis. Jika dibandingkan dengan bilangan pelajar orang Asli di Semenanjung Malaysia, bilangan tersebut hanyalah 5.01% daripada jumlah keseluruhan 11,589 orang. Secara keseluruhannya didapati kadar keciciran pelajar orang Asli adalah tinggi apabila hanya 1,842 orang atau 15.9% sahaja pelajar yang meneruskan pendidikan di peringkat menengah.

Jadual 6 : Analisa Keputusan UPSR Sek. Keb. Kuala Betis Tahun 1992 dan 1993

Mata Pelajaran		Bil. Yang Tahun Masuk Ujian		Bilangan yang dapat;			Jumlah Lulus		Bilangan dapat;		Jumlah gagal	
				Α	В	C	Bil	%	D	E	Bil.	%
BAHASA MELAYU	Kefahama n	1992	36	1	2	9	12	33.3	18	6	24	66.7
		1993	38	-	3	13	15	42.0	13	9	22	57.9
	Penulisan	1992	36	-	4	3	7	19.4	3	26	29	80.6
		1993	38	1	4	6	11	29.0	10	17	27	71.0
BAHASA INGGERIS		1992	36	-	2	7	9	25.0	16	11	27	75.0
		1993	38	-	-	5	5	13.2	19	14	33	86.8
MATEMATIK		1992	36	-	1	8	9	25	11	16	27	75.0
		1993	38	-	2	12	14	36.8	16	8	24	63.2

Sumber: Sek. Keb. Kuala Betis

Pencapaian UPSR di sekolah ini amat kurang memuaskan. Sehingga kajian ini dijalankan, keputusan '1A' adalah tertinggi. Berdasarkan rajah 6, jika dibandingkan pencapaian UPSR tahun 1992 dengan tahun 1993, didapati pencapaian pada tahun 1993 adalah lebih baik. Kesemua mata pelajaran menunjukkan peningkatan dalam peratus lulus kecuali Bahasa Inggeris di mana pada tahun 1992, peratus lulus adalah 25.0% berbanding 13.2% pada tahun 1993. Seramai 860 pelajar orang Asli telah menduduki peperiksaan tersebut pada tahun 1991 dan tiga orang telah mendapat 4A serta ditempatkan di sekolah berasrama penuh. Setakat ini hanya seorang sahaja di kalangan orang Temiar yang berjaya melajutkan pelajaran ke peringkat Diploma di Universiti Putra Malaysia cawangan Bintulu. Beliau ialah Ira Iskar yang bertugas dengan Koperasi Kijang Mas Negeri Kelantan Berhad

Kebiasaannya, pada bulan-bulan awal penggal persekolahan, bilangan pelajar orang Temiar adalah ramai tetapi pada pertengahan atau akhir tahun, bilangan mereka semakin berkurang dan kehadiran mereka secara purata ke sekolah amat rendah. Kehadiran pelajar ke sekolah paling merosot terutama selepas cuti persekolahan kerana kesukaran perhubungan dan pengangkutan.

Pihak JHEOA tidak menyediakan dan menguruskan kenderaan untuk mengambil pelajar yang bercuti di kampung masing-masing terutama mereka yang tinggal di pos-pos pedalaman untuk kembali ke sekolah. Alasan yang diberikan oleh pihak JHEOA ialah kekurangan kenderaan dan juga kakitangan. Pihak JHEOA menyerahkan tugas membawa pelajar orang Temiar kembali ke sekolah kepada ehsan pihak Koperasi Kijang Mas Negeri Kelantan Berhad. Selain itu, pada masa musim buah-buahan atau pun keramaian, kehadiran pelajar orang Temiar juga merosot kerana pelajar lebih suka membantu ibubapa mereka memungut hasil hutan dan turut samamenghadirkan diri ke tempat keramaian daripada datang ke sekolah.

Semasa berbual dengan beberapa pelajar orang Temiar, mereka bukannya tidak mahu ke sekolah tetapi kesukaran perhubungan telah melambatkan kembalinya mereka ke sekolah. Apabila cuti persekolahan bermula, mereka akan dihantar ke perkampungan masing-masing dengan menggunakan kenderaan yang diuruskan oleh pihak JHEOA tetapi pihak JHEOA tidak menguruskan kenderaan untuk mereka kembali ke sekolah tepat pada masanya dan terdapat di antara mereka terpaksa berjalan kaki ke sekolah.

Keadaan ini sinonim dengan kadar keciciran yang tinggi di kalangan pelajar orang Temiar. Sebilangan besar pelajar-pelajar ini akan berhenti sekolah sebelum menamatkan tahun Enam dan setiap tahun bilangan mereka yang melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah amat sedikit. Kadar keciciran yang tinggi di kalangan mereka ini dikatakan berpunca dari masalah kehadiran mereka ke sekolah, semangat belajar yang kurang dan tiada dorongan serta galakan dari ibubapa.

Perkara ini jugalah yang dibincangkan dalam setiap kali diadakan mesyuarat agung Persatuan Ibubapa dan Guru di Sekolah Kebangsaan Kuala Betis. JHEOA diseru agar mencari rumus-rumus baru bagi meningkatkan mutu dalam pendidikan masyarakat orang Temiar khususnya di RPS Kuala Betis di mana mereka amat kurang berminat dalam menghantar anak-anak mereka ke sekolah terutama di peringkat yang lebih tinggi.

Semasa temubual bersama beberapa orang guru, mereka menerangkan keadaan masalah disiplin yang berlaku di Sekolah Kebangsaan Kuala Betis. Masalah disiplin melanggar peraturan sekolah paling ketara sekali di kalangan pelajar orang Temiar berbanding dengan pelajar Melayu. Keadaan ini berlaku kerana lebih 50% pelajarnya adalah orang Temiar. Pihak sekolah telah mengambil tindakan dengan menghantar surat kepada ibubapa pelajar berkenaan sebagai tindakan susulan. Bagaimanapun sambutan dari ibubapa pelajar tersebut amat mengecewakan. Tindakan menghantar surat susulan sebagai pemberitahuan kepada ibubapa mengenai tingkahlaku anak-anak mereka di sekolah bukanlah suatu yang praktikal memandangkan tidak semua ibubapa pelajar tersebut boleh membaca lebih-lebih lagi di kalangan orang Temiar.

Berdasarkan tinjauan yang di buat, didapati tiga sebab utama murid-murid di sekolah Kuala Betis tercicir dalam pelajarannya terutama di kalangan orang Temiar. Antaranya ialah:

i. tidak berminat untuk mengikuti pelajaran yang diajar dan mereka ini selalu ponteng sekolah, kelas dan mata pelajaran. Punca mereka ponteng ialah tidak suka dengan guru yang mengajar kerana guru tersebut garang, suka memberi banyak kerja rumah dan matapelajaran yang diajar adalah sukar untuk difahami. Selain daripada itu, penguasaan perbendaharaan kata di kalangan pelajar orang Temiar adalah sedikit ekoran dari kurang membaca sehingga menyebabkan mata pelajaran yang diikuti sukar untuk difahami. Guru-guru yang mengajar pula tidak mempelbagaikan kaedah pengajaran supaya dapat menarik minat mereka serta menjadikan matapelajaran itu mudah difahami.

ii.

pelajar yang bermasalah baik dari segi ekonomi atau dari keluarga miskin, mereka akan menghadapi kesukaran untuk datang ke sekolah dan pelajar ini selalu melanggar peraturan sekolah. Pelajar yang berada dalam keadaan serba kekurangan dari segi kemudahan untuk belajar dan juga wang terutama di kawasan pedalaman seperti Kuala Betis ini amat kurang motivasi untuk belajar. Ibubapa pelajar dari golongan ini juga kurang memberi dorongan untuk belajar kerana mereka perlu tumpukan perhatian untuk mencari rezeki di samping mereka sendiri kurang ilmu pengetahuan yang boleh membantu anak-anak mereka dalam mencari ilmu. Kesannya, anak-anak orang Temiar ini ketinggalan dalam pelajaran dan lebih berminat untuk membantu keluarga mencari rezeki sehingga mereka terpaksa ponteng sekolah.

iii. gagal dalam peperiksaan adalah rentetan daripada sikap pelajar yang tidak berminat dalam pelajaran dan selalu menimbulkan masalah di sekolah. Pelajar-pelajar yang gagal ini akan didenda atau dikenakan hukuman seperti rotan atau membuat pembetulan yang banyak. Keadaan ini menimbulkan perasaan marah kepada guru yang mengajar dan akhirnya pelajar akan turut sama membenci pelajaran tersebut. Jika dilihat dari faktor-faktor yang menyebabkan pelajar di RPS Kuala Betis gagal dalam pelajaran, maka usaha yang lebih gigih, tersusun dan terancang perlu dilaksanakan. Penekanan perlu diberikan terhadap displin pelajar terutama murid-murid orang Temiar kerana hanya murid-murid yang berdisplin sahaja akan berdaya maju dalam pendidikan dan ini sekaligus akan meningkatkan prestasi sekolah.

Bagaimanapun terdapat beberapa perkara yang menjadi punca masalah disiplin terutama kejadian ponteng di kalangan pelajar orang Temiar yang tidak diselidiki oleh guru-guru dan pentadbir di Sekolah Kebangsaan Kuala Betis seperti tekanan perasaan akibat harapan yang tinggi dari guru untuk melihat mereka berjaya. Pelajar orang Temiar juga tidak dapat menyesuaikan diri dengan budaya persekolahan yang sangat mementingkan masa dan peraturan. Selain dari itu, pelajar juga tidak dapat menerima pemupukan budaya melalui pendidikan seperti menjadikan mereka Melayu atau menyerapkan nilai-nilai Islam dalam pendidikan. Sikap guru-guru juga menjadi pemangkin kepada masalah disiplin di kalangan pelajar tersebut iaitu perasaan etnosentrisme guru sehingga mengabaikan tugas dan tanggungjawap yang wajib dilaksanakan di mana sahaja seorang guru itu ditugaskan. Mereka melihat pelajar orang Temiar dari sudut kebudayaan Melayu dan bukannya dari sudut budaya dan adat resam orang Temiar sehingga melahirkan konflik dalaman guru.

Kajian oleh Amran Kasimin (1995: 103-105) di kalangan orang Ulu telah menggariskan beberapa sebab mengapa mereka gagal dalam pelajaran. Pertama, ibubapa mereka tidak begitu menggalakkan anak-anak mereka bersekolah kerana mereka tidak menunjukkan minat ke sekolah. Ini berlaku kerana ibubapa kurang sedar akan kepentingan pelajaran sebagai salah satu cara yang terbaik untuk memperbaiki taraf hidup dan juga untuk mempertingkatkan cara pemikiran mereka.

Kedua, ibubapa yang anak-anak mereka bersekolah meletakkan tanggungjawab pendidikan sepenuhnya kepada guru-guru. Mereka hanya menyediakan wang belanja tanpa memberi perhatian kepada pelajaran anak-anak mereka. Ini tidak memadai bagi menjamin kejayaan mereka. Ibubapa juga tidak mempunyai masa untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran anak-anak mereka walaupun sesetengah mereka mungkin sedar akan kepentingan pelajaran.

Ketiga, biasanya apabila sebarang keramaian diadakan di dalam kampung atau kawasan berdekatan, misalifya majlis perkahwinan, kesemua ahli keluarga menghadirinya dan anak-anak mereka tidak hadir ke sekolah untuk satu atau dua hari

Keempat, sesetengah ibubapa orang Ulu meminta anak-anak mereka yang bersekolah mengikut mereka memungut hasil hutan. Apabila anak-anak mereka menyedari bahawa dengan melakukan ini mereka boleh memperoleh sejumlah wang berbanding dengan jika mereka ke sekolah, mereka lalu meninggalkan sekolah dan melibatkan diri sepenuhnya dalam pekerjaan ibubapa mereka. Musim durian yang menunjukkan kedatangan yang paling tidak memuaskan kerana biasanya musim durian ini mengambil masa sekurang-kurangnya dua bulan sebelum berakhir. Kanak-kanak ikut serta bersamasama ibubapa mereka memungut buah durian liar jauh dari rumah mereka.

Berdasarkan laporan JHEOA 1991, beberapa strategi dan langkah telah diambil bagi meningkatkan prestasi pendidikan di kalangan orang Asli seperti menyakinkan masyarakat orang Asli terhadap peluang pendidikan anak-anak dan kemahiran mereka itu untuk menghadapi masa depan yang lebih mencabar. JHEOA juga cuba berusaha menarik beberapa ramai anak-anak orang Asli ke bangku sekolah dengan rintangan-rintangan sosial serta sikap ibubapa terhadap pendidikan.

Beberapa insentif juga disediakan oleh JHEOA untuk menarik minat ibubapa untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Antara bantuan yang disediakan oleh JHEOA ialah bantuan bekalan makanan percuma bagi mereka yang tinggal di asrama, pakaian dan alatan sekolah dan wang saku selain dari bantuan buku teks percuma yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan.

Ibubapa pelajar orang Temiar berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah tetapi taraf pendidikan yang diterima oleh anak-anak orang Temiar adalah pada tahap pendidikan awal. Bagaimanapun, tahap kesedaran mengenai pentingnya pendidikan masih rendah. Pada pandangan ibubapa apabila anak-anak dihantar ke sekolah mereka akan boleh membaca, menulis dan mengira dan apa yang penting lagi, persekolahan dapat memberi peluang kepada anak-anak mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang baik atau makan gaji.

Jika dianalisa secara mendalam dan teliti, didapati sudah ada kesedaran di kalangan orang Temiar tentang kepentingan pendidikan tetapi masih tidak menyeluruh. Mereka hanya membenarkan anak-anak bersekolah diperingkat rendah tetapi kurang berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah menengah. Alasan yang diberikan mereka tidak mampu untuk menampung perbelanjaan persekolahan. Wang saku yang diberikan oleh JHEOA tidak mencukupi untuk menampung persekolahan mereka. Ibubapa tidak memaksa anak-anak mereka untuk bersekolah dan ini hanya bergantung kepada minat yang ada pada diri kanak-kanak itu sahaja. Keadaan ini disebabkan oleh ibubapa tidak tahu akan kepentingan pelajaran.

Bagi anak-anak orang Temiar yang tidak berminat ke sekolah kerana guru-guru sering memukul dan memarahi mereka walaupun kesalahan yang mereka lakukan adalah kecil. Lagipun mereka susah untuk mengikuti pelajaran terutama pelajaran agama Islam.

Menurut ibubapa, mereka takut guru-guru akan mempengaruhi anak mereka agar memeluk Islam. Memang tidak dinafikan bahawa guru Pendidikan Islam sering kali mengajar supaya menutup aurat, hukum-hukum agama Islam dan nilai-nilai murni yang ada dalam agama Islam kepada para pelajar termasuklah pelajar orang Temiar. Menurut Endicott (1979:180), keengganan ini adalah:-

- i) Ibubapa merasa kehilangan anak-anak mereka kerana terpaksa tinggal di asrama dan pulang sekali sebulan sahaja.
- ii) Mereka tidak mempunyai kesedaran tentang pentingnya pendidikan kepada anak-anak mereka.
- iii) lbubapa bimbang guru-guru yang mengajar akan cuba mengIslamkan anak-anak mereka.

## 3.3.3: AKTIVITI KESIHATAN DAN PERUBATAN

Kemudahan kesihatan dan perubatan juga disediakan oleh JHEOA dengan kerjasama Kementerian Kesihatan kepada masyarakat orang Asli. Beberapa strategi telah diadakan bagi menyediakan kemudahan kesihatan yang berkualiti di kalangan masyarakat orang Asli. Antara strategi yang dirancang ialah memberi penekanan kepada cara-cara pencegahan dan kawalan penyakit berjangkit, mengadakan klinik-klinik dan jadual lawatan ke tempat-tempat terpencil khususnya kepada kesihatan ibu dan kanak-kanak dan mempergiatkan usahasama dengan Kementerian Kesihatan.

Masyarakat orang Temiar sentiasa terdedah kepada pelbagai jenis penyakit berjangkit. Dari kajian penyakit-penyakit yang sering menyerang mereka ialah Malaria, TIBI, kekurangan zat makanan dan penyakit berkaitan ibu mengandung. Menurut jururawat Desa yang bertugas di Kuala Betis, penyakit yang berkaitan dengan ibu

mengandung ialah tekanan darah tinggi, tekanan darah rendah, hemoglobin darah rendah, tumbesaran janin yang terbantut, pergerakan janin kurang daripada sepuluh pergerakan sehari dan sebagainya. Usaha-usaha sentiasa diperkenalkan supaya rawatan dan pendidikan kesihatan sentiasa difahami oleh masyarakat ini. Lawatan-lawatan sentiasa dilakukan dari masa ke semasa dan pelbagai misi sentiasa dijalankan.

Contohnya, semasa kajian dijalankan ceramah pendidikan kesihatan diberikan oleh jururawat Desa sebelum pemeriksaan terhadap ibu-ibu mengandung dijalankan. Pada hari tersebut, ibu-ibu dikehendaki hadir ke klinik awal dan pada pukul 9.00 pagi ceramah kesihatan akan diberikan selama setengah jam. Terdapat tajuk-tajuk yang menjadi fokus utama ceramah seperti penyediaan makanan seimbang, penjagaan kebersihan dan kesihatan serta penyakit-penyakit merbahaya seperti AIDS dan lain-lain (Rujuk lampiran 8). Penekanan diberikan kepada penyediaan makanan seimbang kerana kekurangan salah satu zat pemakanan boleh membawa kesan kepada proses tumbesaran janin. Penyediaan makanan seimbang tidak memerlukan belanja yang besar tetapi saji makanan tersebut perlu mengandungi karbohaidrat, protein, vitamin, lemak dan zat galian.

Aktiviti kesihatan juga menyediakan khidmat imunisasi terutama kepada kanakkanak yang bertujuan memberi perlindungan dari serangan penyakit merbahaya. Khidmat imunisasi juga disediakan kepada bayi dan para ibu di samping memberi bantuan makanan yang berkhasiat kepada mereka. Ibu-ibu disuntik dengan pelalian Rubella untuk sekali seumur hidup dan bagi bayi pula, imunisasi bermula sebaik sahaja dilahirkan dan perlu melengkapkan imunisasi sebelum berumur dua tahun.

Memandangkan taburan penduduk yang berselerakan di pedalaman, imunisasi mengikut jadual tidak dapat dilakukan setelah mendapat dos pertama. Oleh itu, kadar keciciran bagi dos-dos berikutnya adalah tinggi disebabkan ibubapa orang Temiar tidak membawa anak-anak mereka ke klinik untuk mendapatkan dos-dos berikutnya kerana kesukaran dalam perhubungan. Pihak Kementerian Kesihatan pula tidak menjalankan susulan ke perkampungan orang Temiar untuk memberikan dos-dos berikutnya memandangkan ketiadaan kemudahan kenderaan dan juga kakitangan yang tidak mencukupi.

Penyakit TIBI merupakan masalah kesihatan yang nyata di kalangan masyarakat orang Temiar. Contohnya, ibu angkat pengkaji yang meninggal dunia pada tahun 1992 kerana penyakit TIBI. Pelbagai cara telah dilaksanakan untuk mencegah dan mengawal penyakit itu seperti memberi imunisasi, mengadakan aktiviti pengesanan kes dan konteks kepada pesakit dan memberi rawatan serta rawatan susulan kepada pesakit. Bagaimanapun usaha itu kurang berkesan kerana pesakit yang datang mendapat rawatan tidak menyedari mereka telah lama dijangkiti penyakit ini dan sudah mencapai tahap kritikal.

Antara khidmat lain yang disediakan oleh klinik ataupun pejabat kesihatan ini ialah mengawal penyakit Malaria di kalangan orang Temiar. Usaha pencegahan dan pengawalan lebih tertumpu di kawasan pedalaman melalui pengambilan sampel darah, semburan ubat nyamuk bagi menghapus jentik-jentik, memberi rawatan kepada pekerja-pekerja di pedalaman dan lain-lain. Bagaimanapun usaha ini menghadapi kesukaran kerana kurangnya kenderaan atau alat pengangkutan, kesukaran perhubungan, kekurangan kakitangan serta pergerakan orang Temiar yang sukar dikawal.

Berikutan kempen-kempen yang dijalankan dan kesedaran yang wujud dalam diri orang Temiar, ibu-ibu memilih untuk bersalin di hospital. Pada masa dahulu, kadar kematian di kalangan kanak-kanak adalah tinggi berbanding hari ini. Bagi ibu-ibu yang berisiko tinggi seperti mempunyai penyakit darah tinggi, kencing manis, bayi songsang

dan lain-lain memilih untuk bersalin di hospital kerana ia dapat membantu mereka semasa melahirkan anak jika berlaku komplikasi semasa bersalin. Kebarangkalian berlaku kematian di kalangan ibu-ibu dan bayi dapat dikurangkan dengan adanya kaedah perubatan moden serta tindakan segera yang diambil jika berlaku sebarang masalah.

Namun begitu atas kesedaran tentang pertambahan bilangan anak bermakna bertambah tanggungjawab dan kadar pembelanjaan menyebabkan ramai di kalangan ibu-ibu tidak mahu mempunyai bilangan anak yang ramai. Berdasarkan kajian Wan Abdul Kadir (1980) di kampung Sungai Kiol usaha menjarangkan anak-anak di kalangan ibu-ibu komuniti Jah Hut telah lama diamalkan dan di antaranya dengan cara memakan berbagai jenis herba dan akar kayu atau melalui cara mereka tersendiri.

Usaha merancang keluarga juga dilakukan oleh penduduk di RPS Kuala Betis memandangkan keadaan ekonomi mereka yang tidak menentu dan lain-lain kesukaran. Mereka lebih perihatin mengenai usaha menjarangkan kelahiran anak-anak bagi mengurangkan bebanan tanggungjawab serta perbelanjaan. Berdasarkan temubual bersama tiga orang pengguna pil perancang keluarga, beliau mengamalkan perancang keluarga kerana anak-anaknya masih kecil. Jadi beliau mengambil keputusan untuk merancang keluarga bagi menjarakkan kelahiran dan memberi pemakanan yang lebih berkualiti kepada anak-anaknya. Semasa temubual itu, beliau telah mengambil pil perancang kira-kira empat bulan.

Menurut jururawat yang bertugas di klinik Desa, RPS Kuala Betis terdapat hampir 30 orang ibu telah mengikuti program perancang keluarga dan jumlah ini tidak termasuk mereka yang pernah mengambil pil perancang tetapi telah menghentikan penggunaannya. Mereka boleh menghentikan kaedah merancang keluarga apabila mereka ingin melahirkan anak lagi.

Pada peringkat awal pengenalan penggunaan perancang keluarga cara moden, ibuibu di sini agak keberatan untuk menerimanya terutama bagi kaedah penggunaan kondom.

Mereka lebih suka menggunakan cara sendiri atau meninum air rebusan herba.

Bagaimanapun, setelah kempen-kempen kesedaran dan penerangan yang dibuat secara
berterusan dan diadakan sesi khusus pertemuan dengan ibu-ibu maka sebahagian daripada
mereka mula memilih untuk menerima kaedah moden ini.

Pengkaji mendapati mereka yang mengamalkan perancang keluarga ini terdiri dari ibu-ibu muda yang telah mendapat pendidikan di peringkat awal. Kaedah merancang yang menjadi pilihan utama mereka ialah memakan pil perancang. Mereka berpendapat, pil perancang mudah digunakan dan dibekalkan oleh klinik. Mereka dikehendaki mendapatkan pil perancang mengikut jadual yang telah diberikan di dalam kad temujanji. Antara jenis pil yang diambil ialah Nodatte dan Mavelon. Bagaimanapun, menurut kajian yang dijalankan oleh Endicott(1974:195) di kalangan masyarakat Negrito, penemuan kajian menunjukkan mereka tidak mengamalkan perancang keluarga walaupun menggunakan kaedah tradisional.

Kementerian juga sentiasa memberi perhatian dalam usaha mengawal penyakit berjangkit bawaan vektor, terutama penyakit Malaria dan Denggi. Penduduk kampung diberi kesedaran mengenai kebersihan dan memastikan tiada kawasan yang boleh membiakkan nyamuk. Mereka juga diberi kesedaran tentang pentingnya menjaga kebersihan dan kesihatan. Pada pemerhatian pengkaji, kebersihan kurang dititikberatkan oleh masyarakat di sini memandangkan banyak sampah-sarap dan tin-tin kosong yang tidak ditimbus tetapi dibuang berhampiran dengan sungai. Tahap kesedaran dari segi penjagaan kebersihan diri dan kesihatan mereka perlu diberi perhatian yang lebih kerana ianya masih berada pada tahap yang rendah. Sebahagian besar kanak-kanak di sini

menghidap penyakit kulit terutama kudis buta, panau dan kurap. Kanak-kanak bermain di tempat kotor, berkuku panjang dan tidak memakai selipar telah menyebabkan jangkitan penyakit cacing banyak di kalangan kanak-kanak di sini.

Dari segi penggunaan air bersih, semasa kajian dijalankan, bekalan air bersih belum disediakan lagi tetapi terdapat logi air yang dalam pembinaan berhampiran dengan kampung Kuala Betis. Mereka menggunakan air sungai dan tadahan air hujan untuk kegunaan harian. Air sungai di kawasan ini tercemar kerana sistem pembuangan air yang tidak teratur. Di kampung Kuala Betis, tandas boleh digunakan tetapi masih ada di antara mereka dengan sikap dan tabiat lama, suka membuang najis ke dalam sungai. Alasan yang diberikan ialah tandas berbau busuk dan mereka lebih selesa membuang air di sungai.

#### 3.2.4: PRASARANA

RPS Kuala Betis sudah mendapat berbagai-bagai kemudahan terutama kemudahan perhubungan. Jalanraya telah dibina dari Gua Musang sehingga kawasan pentadbiran. Bagaimanapun, ketika kajian dijalankan pada tahun 1995, banyak permukaan jalan yang telah rosak, berlopak dan berlubang. Pengkaji mendapati terdapat satu tempat yang mengalami kerosakannya amat serius. Separuh daripada permukaan jalan tersebut telah runtuh ke dalam gaung dan sehingga kini tidak diketahui sama ada bahagian ini telah dibaikpulih ataupun belum. Kerosakan jalan ini berpunca dari lori-lori balak yang menggunakan jalan ini. Jalanraya yang dibina amat jelas kepentingannya kepada orang Temiar dalam hubungan dengan dunia luar. Namun begitu, penempatan perkampungan peserta RPS amat bergantung kepada sungai bagi kemudahan air dan tanah pertanian.

Dalam usaha kerajaan menyediakan bekalan air bersih kepada penduduk setempat, orang Temiar turut terlibat sama. Sehingga hari ini sebanyak sembilan buah kampung telah menikmati bekalan air bersih. Kampung-kampung yang terlibat ialah Kampung Setawar, Bawik, Jias, Jenut, Mangsok, Chengkelik, Merlong, Terola (lambok) dan Betak. Projek ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Jabatan Kesihatan dan JHEOA. Bekalan ini dilaksanakan mengikut gravity feet system. Bagi kawasan komplek pentadbiran, bekalan air di terima dari logi pembersihan air JKR yang siap pada tahun 1991 juga turut membekalkan air ke FELCRA Panggung Lalat.

Kemudahan bekalan elektrik luar bandar sehingga kini hanya terdapat di kawasan pentadbiran, Kampung Dusun Pinang dan Teranek. Kawasan-kawasan ini telah mendapat bekalan elektrik selama 12 jam sehari. Sebagai usaha meningkatkan bekalan tenaga elektrik, empat buah rumah untuk menempatkan generator telah didirikan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan salah satunya terdapat di Kampung Chengkelik.

Penempatan orang Temiar di RPS merupakan cubaan kerajaan untuk membaiki cara hidup mereka. Kerajaan menyediakan rumah yang lebih teratur. Rumah yang didirikan itu mempunyai sebuah bilik tidur, ruang tamu dan ruang dapur. Rumah ini lebih baik berbanding dengan rumah tradisional mereka dahulu. Berdasarkan pemerhatian pengkaji di Pos Hau, rumah tradisional diperbuat dari buluh dan beratapkan daun bertam atau kadang-kadang terdiri daripada jalinan daun kelapa. Rumah RPS dikenali dengan nama rumah Melati dan kos pembinaannya sebanyak RM 3500.00 sebuah. Setiap peserta RPS berhak memiliki rumah ini dan bentuk setiap rumah adalah sama. Memandangkan kajian ini dilakukan selepas 25 tahun RPS dibuka, didapati bentuk asal rumah Melati telah berubah. Terdapat penambahan dan pengubahsuaian pada bahagian ruang dapur dan depan rumah. Bagi mereka yang berkemampuan, rumah itu di sapu cat.

Rumah-rumah peserta RPS didirikan selari menghadap jalan serta berhampiran dengan sungai bagi kemudahan mendapatkan bekalan air. Terdapat juga rumah yang dibina

sendiri oleh orang Temiar terutama apabila bilangan ahli keluarga bertambah. Rumah baru yang dibina adalah berbeza dari rumah melati yang disediakan oleh pihak kerajaan. Mereka membina rumah tradisional dengan menggunakan bahan-bahan yang mudah diperolehi di sekitar kawasan mereka. Dinding dan lantai diperbuat dari buluh dan beratapkan daun bertam. Bentuk rumah tradisional adalah empat segi sama dengan keluasan kira-kira 10 x 15 meter.

Rumah tradisional ini dibahagikan kepada ruang dapur dan ruang tidur dan setiap ruang itu tiada sekatan. Rumah tradisional ini dihuni oleh mereka yang tua dan rumah melati akan diambilalih oleh anak-anak yang sudah berkahwin. Rumah tradisional ini didirikan berhampiran dengan rumah melati supaya senang anak-anak menjaga ibubapa mereka.

Kakitangan JHEOA juga disediakan dengan sebuah rumah dan rumah kakitangan JHEOA berbeza sedikit dari rumah peserta RPS di mana terdapat dua buah bilik tidur, sebuah bilik mandi dan bilik air disediakan. Rumah kakitangan lebih besar dan selesa.

Pihak kerajaan turut membangunkan taraf pendidikan formal di kalangan orang Temiar. Sehubungan dengan program ini RPS Kuala Betis disediakan sebuah Sekolah Kebangsaan yang menempatkan 451 orang pelajar di mana 302 orang adalah pelajar orang Temiar. Pada peringkat awal penubuhan RPS, sekolah ini dikendalikan oleh JHEOA tetapi pada tahun 1985, pentadbiran sekolah ini telah diambilalih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Tindakan ini menentukan sukatan pelajaran dan pentadbiran sekolah diselaraskan dalam satu Kementerian. Dalam tahun 1994, terdapat 23 orang guru terlatih dengan tujuh orang daripadanya guru sandaran.

Di sini, terdapat juga sebuah asrama bagi menempatkan pelajar orang Temiar yang berasal dari kawasan pedalaman. Di asrama ini disediakan keperluan asas seperti katil,

tilam, bantal, tempat belajar, televisyen, dewan makan dan tiga orang tukang masak. Salah seorang daripada tukang masak adalah orang Temiar iaitu Ngah Midah, isteri kepada Adam Asu. Selain itu, seorang penyelia asrama ditugaskan bagi menentukan keadaan asrama sentiasa kemas, bersih, teratur dan memastikan kebajikan pelajar terjaga.

Di RPS juga didirikan sebuah klinik desa. Kempen Kesihatan dan kesedaran menjaga kebersihan serta mengamalkan hidup sihat sentiasa dijalankan. Pihak JHEOA dan Kementerian Kesihatan berusaha mencegah penyakit berjangkit dan memberi perhatian kepada kaum-kaum ibu terutama di kalangan ibu mengandung. Perkhidmatan rawatan disediakan setiap hari kecuali hari cuti umum dan klinik ini dikendalikan oleh seorang jururawat terlatih serta seorang pembantu dari kakitangan JHEOA di kalangan orang Temiar. Jika ada pesakit yang teruk, beliau akan dihantar ke hospital di bandar Gua Musang.

Antara kemudahan lain yang disediakan ialah sebuah kedai koperasi yang menjual barangan keperluan harian. Urusan kedai dikendalikan oleh seorang pemuda tempatan dari kalangan orang Temiar. Disediakan juga dua buah rumah rehat dengan kadar bayaran RM 5.00 sehari, padang permainan kanak-kanak, padang bola dan surau yang didirikan bersama balai serbaguna.

Akhir sekali, terdapat dua buah taman bimbimgan kanak-kanak di bawah anjuran KEMAS dengan dua orang tenaga pengajar. Tabika yang baru didirikan di Kampung Lombok dengan bilangan pelajar 72 orang, 32 orang lelaki dan 40 orang perempuan.